

05 JUL 1996

Isa-terbiar

NEGERI GALAK PEMILIK TANAH ADAT TERBIAR SATUKAN TANAH

SEREMBAN, 5 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sembilan berusaha menggalakkan pemilik tanah adat yang terbiar supaya menyatukan tanah mereka untuk dimajukan dengan projek komersil.

Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, pada masa ini terdapat kira-kira 6,000 hektar tanah terbiar yang sebahagian besarnya merupakan tanah adat dengan saiznya yang kecil dan mempunyai ramai pemilik.

"Masalah timbul apabila sesetengah pemilik itu tidak dapat dihubungi atau kesukaran untuk mendapat kata sepakat bagi memajukan tanah berkenaan", katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran "Malaysia Incorporated" peringkat negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalam bahawa kerajaan akan mengambil alih tanah terbiar di seluruh negara untuk diurus secara produktif.

Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri sejak tiga bulan lepas telah mengarahkan semua pegawai daerah berjumpa dengan Datuk-datuk Adat dan Datuk Lembaga untuk menyakinkan para pemilik tanah adat supaya menyatukan tanah mereka.

"Hanya dengan cara ini sahaja, tanah-tanah terbiar dapat dimajukan untuk tujuan perdagangan sama ada perindustrian atau pertanian", katanya.

Mohamed Isa berkata, kerajaan negeri melalui projek Negeri Sembilan Timur telah berjaya membangunkan 48 peratus daripada kawasan berkenaan dengan projek pertanian secara komersil.

Terdahulu, Setiausaha Kerajaan Negeri Encik Mohamed Shahid Mohd Taufek berkata, sebuah panel Malaysia Incorporated peringkat negeri telah ditubuhkan bagi membincangkan pelaksanaan dasar, program, projek kementerian, jabatan dan pejabat yang turut membabitkan pihak swasta.

Shahid berkata panel itu yang dipengerusikan oleh beliau sendiri dengan dianggotai pelbagai pihak termasuk Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia, Dewan-dewan Perniagaan Melayu, India dan Cina serta persatuan peniaga, akan mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan. -- BERNAMA

RAB OBA